

# **PROSES NASALISASI VOKAL DIALEK MELAYU SARIBAS: PENELITIAN BERASASKAN PENDEKATAN GEOMETRI FITUR**

**(Vowel Nasalization in the Malay Dialect of Saribas: A Feature Geometry Approach)**

Noor Azureen Hamid @ Ahmed  
naha\_azureen@siswa.ukm.edu.my  
Felo USM

Sharifah Raihan Syed Jaafar  
s\_raihan@ukm.edu.my

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Tajul Aripin Kassin  
tajul@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

## **Abstrak**

Makalah ini menghuraikan proses nasalisasi vokal dalam fonologi dialek Melayu Saribas (DMSbs). Data dianalisis menggunakan model geometri fitur Halle (1995) yang merupakan salah satu daripada pendekatan dalam fonologi autosegmental. Kajian ini ialah kajian lapangan di empat buah kampung Melayu di Saratok, Sarawak. Data

diperoleh daripada sepuluh orang penutur jati DMSbs yang menetap di kampung Melayu tersebut. Pengumpulan data linguistik DMSbs menerapkan kaedah temu bual dan senarai kata, serta rakaman perbualan audio. Makalah ini juga mengemukakan rumus nasalisasi vokal bagi menangani permasalahan fonologi apabila konsonan nasal mendahului atau mengikuti vokal dalam kata DMSbs. Data DMSbs memperlihatkan proses nasalisasi vokal berlaku apabila segmen nasal yang mempunyai fitur [+nasal] menyebarkan fiturnya kepada vokal bersebelahan dan menyebabkan vokal turut mendapat fitur [+nasal]. Proses nasalisasi vokal dalam DMSbs adalah secara progresif dan regresif. Penyebaran fitur [+nasal] juga berlaku sejauh mungkin selagi tiada konsonan legap yang menghalangi penyebarannya. Penerapan geometri fitur dapat menjelaskan kekangan yang berlaku apabila konsonan legap menghalangi penyebaran fitur [+nasal] bagi mematuhi prinsip syarat purna bentuk yang tidak membenarkan garis penghubung bersilang.

Kata kunci: konsonan nasal, nasalisasi vokal, vokal nasal, geometri fitur, prinsip syarat purna bentuk, konsonan legap, konsonan telus, dialek Melayu Saribas

### ***Abstract***

*This paper describes the process of vowel nasalization in the phonology of the Malay dialect of Saribas (MdoS). Data were analysed using Halle's feature geometry model (1995), one of the approaches in autosegmental phonology. This study was based on field work conducted in four main Malay villages in Saratok, Sarawak. Linguistic data which were obtained from ten MdoS native speakers were collected through interviews, wordlists and audio recordings. Findings reveal that the vowel nasalization rule can be used to address a phonological problem when a vowel is preceded or followed by nasal consonants in the MdoS. The findings also demonstrate that vowel nasalization occurs when nasal segments with [+nasal] feature spread their features to the adjacent vowel causing the vowel to subsequently absorb the [+nasal] feature. Vowel nasalization in MdoS occurs progressively and regressively. The [+nasal] feature also spreads as far as possible as long as there is no opaque consonant that blocks the feature from spreading. The application of feature geometry can help to explain the constraints that take place when opaque consonants obstruct the spread of the [+nasal] feature in order to adhere to the principle of Well-formedness which prohibits the crossing of association lines.*

*Keywords: nasal consonant, vowel nasalization, nasalized vowel, feature geometry, well-formedness condition, opaque consonants, transparent consonants, Malay dialect of Saribas*

## PENDAHULUAN

Nasalisasi vokal merupakan proses fonologi yang melibatkan artikulasi utama konsonan nasal mempengaruhi artikulasi fonem vokal. Proses nasalisasi vokal menghasilkan bunyi vokal yang dipengaruhi oleh artikulasi nasal dan menghasilkan sengau pada bunyi vokal tersebut. Dalam pendekatan autosegmental, proses nasalisasi vokal merujuk proses vokal menjadi nasal apabila mengikuti konsonan nasal /m, n, ɳ,ɲ/ (Goldsmith, 1976, hlm. 51). Proses nasalisasi vokal berlaku akibat penyebaran fitur [+nasal] yang dimiliki oleh konsonan nasal kepada fonem vokal bersebelahan. Penyebaran fitur [+nasal] daripada konsonan nasal kepada vokal menyebabkan vokal turut mempunyai fitur [+nasal].

Kajian Farid (1980), Yunus (1980) dan Teoh (1994) berhubung dengan proses nasalisasi vokal dalam bahasa Melayu Standard dan dialek Melayu di Malaysia mendapati proses nasalisasi vokal berlaku dalam dua keadaan, sama ada secara progresif atau regresif. Lazimnya, bahasa Melayu standard hanya mengalami proses nasalisasi vokal progresif, begitu juga dialek Melayu lain seperti dialek Melayu Kelantan (Adi Yasran, 2010) dan dialek Melayu Sayong (Kamarul Afendy *et al.*, 2014). Berbeza dengan dialek Melayu Saribas (seterusnya DMSbs), pembentukan nasalisasi vokal berlaku secara dwiarah, iaitu secara progresif dan regresif. Proses nasalisasi vokal dalam DMSbs juga hanya berlaku pada kata dasar dan sempadan awalan, tetapi tidak berlaku di sempadan akhiran seperti bahasa Melayu standard dan dialek Melayu lain. Hal ini disebabkan tiada sempadan akhiran dalam fonologi DMSbs. Kelainan proses nasalisasi vokal dalam DMSbs berbanding bahasa Melayu dan dialek Melayu lain di Malaysia mendorong makalah ini untuk menelusuri proses nasalisasi vokal dalam DMSbs secara teoretikal bagi menjelaskan fenomena fonologi yang berlaku.

## KAJIAN LEPAS DIALEK MELAYU SARIBAS

DMSbs merupakan salah satu variasi utama dialek Melayu Sarawak selain dialek Melayu Kuching dan dialek Melayu Rejang. DMSbs diujarkan oleh masyarakat Melayu Saribas dan Melayu Kalaka di bahagian Betong, meliputi daerah Betong dan Saratok. Populasi penduduk di bahagian

Betong seramai 108 225 orang, dan didominasi oleh kaum Melayu sebanyak 51 peratus, selebihnya Iban dan kaum lain seperti Bidayuh, Melanau dan Cina (Unit Perancang Negeri Sarawak, 2011). DMSbs juga berkembang di sekitar lembangan Sungai Saribas dan Sungai Krian yang menganjur ke Laut China Selatan.

Fonologi DMSbs agak berbeza dengan dialek Melayu Kuching dan dialek Melayu Rejang, terutamanya posisi akhir kata. DMSbs juga unik kerana mempunyai beberapa variasi dialek lain, seperti subdialek Saratok, subdialek Kabong dan subdialek Saribas. Hal ini pernah disentuh oleh Chong Shin (2015, 2006, 2009) berhubung dengan status dialek Melayu di lembangan Sungai Krian, sama ada merupakan variasi DMSbs atau dialek Melayu Rejang. Hasil kajian Chong Shin mendapati dialek Melayu di lembangan Sungai Krian merupakan variasi DMSbs kerana memperlihatkan bentuk fonologi yang serupa apabila vokal /a/ pada akhir kata terbuka berubah menjadi [ɔ], kesepadan /l/ di akhir kata dengan [y] dan pengguguran /y/ di akhir kata. Dapatkan ini juga menjelaskan difusi dialek di lembangan Sungai Krian yang menimbulkan persamaan pertuturan dengan kawasan yang wujud di sepanjang Sungai Krian seperti Saratok, Kaba dan Kupang.

Kajian DMSbs pernah dibincangkan oleh Collins (1987, 2000), Asmah (1988) dan Madzhi (1988). Walau bagaimanapun, kajian lepas tidak membincangkan DMSbs secara komprehensif sebaliknya sekadar menyebut sepantas lalu mengenai fonologi DMSbs. Hamidah (2008) pula membincangkan etnolinguistik DMSbs secara fonologi segmental. Kajian DMSbs berasaskan fonologi autosegmental Saribas dimulakan sejak lima tahun kebelakangan ini oleh Noor Azureen dan Tajul Aripin (2013) mengenai pembentukan geluncuran, manakala Noor Azureen *et al.* (2016) pula membincangkan sistem fonologi DMSbs.

Kajian fonologi autosegmental dalam DMSbs berhubung kait dengan proses penyebaran fitur. Proses penyebaran fitur melibatkan perubahan segmen menjadi serupa atau sama dengan segmen di sebelahnya (Goldsmith, 1990, hlm. 30). Proses penyebaran fitur sesuatu segmen lazim dipengaruhi oleh jirannya untuk menyebarkan fiturnya kepada segmen yang lain. Begitu juga kajian fonologi autosegmental dalam bahasa Melayu Standard dan dialek Melayu seperti kajian Tajul Aripin (2005) dan Zaharani (2003) memperlihatkan segmen yang berada dalam lingkungan proses penyebaran fitur itu mengambil fitur yang tersebar dan berubah menjadi segmen yang sama dengan fitur yang diterima.

Proses penyebaran fitur dalam pendekatan geometri fitur pula melibatkan titik artikulasi (Halle, 1995, hlm. 2). Titik artikulasi memainkan peranan penting dalam menggerakkan proses penyebaran fitur kerana menyebarkan fiturnya kepada penggalan bersebelahan. Titik artikulasi memiliki segugusan fitur yang boleh tersebar semasa proses penyebaran fitur (Halle, 1995, hlm. 3). Segmen yang menerima fitur tersebut menerbitkan bentuk segmen yang baharu, sama ada berkongsi fitur atau berubah menjadi segmen yang lain akibat pengaruh fitur. Sebagai contoh, proses nasalisasi vokal dalam DMSbs menunjukkan penyebaran fitur [+nasal] daripada nodus lelangit lembut yang dimiliki oleh konsonan nasal kepada nodus lelangit lembut yang dimiliki oleh vokal. Kesannya, vokal turut berkongsi fitur [+nasal].

Makalah ini memilih pendekatan autosegmental model geometri fitur Halle (1995) sebagai landasan perbincangan proses nasalisasi vokal dalam DMSbs kerana representasi fonologi autosegmental menggambarkan idea tentang struktur pengetahuan linguistik yang berada dalam leksikon penutur bahasa (Sagey, 1986, hlm. 10). Representasi autosegmental model geometri fitur Halle melambangkan struktur fonetik yang lebih sempurna dan mampu memberikan penjelasan secara berpada tentang proses nasalisasi vokal yang berlaku dalam DMSbs. Representasi model geometri fitur Halle juga dipercayai mampu memenuhi keperluan analisis makalah ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bahagian ini memuatkan metodologi kajian yang terlibat semasa pelaksanaan kajian ini, merangkumi sampel kajian, lokasi kajian, informan kajian dan pengumpulan data.

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian ini dipilih secara rawak daripada penutur jati DMSbs di Saratok, Sarawak. Seramai 10 orang penutur jati DMSbs daripada penduduk Saratok telah menyertai kajian ini.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di empat buah kampung Melayu utama di pekan Saratok, Sarawak. Pekan Saratok merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Saratok yang bernaung dalam bahagian Betong. Populasi penduduk di pekan Saratok berjumlah 22 912 orang majoritinya terdiri

daripada kaum Iban dan hanya 7763 orang dalam kalangan kaum Melayu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011, hlm. 375). Antara kampung terlibat dalam kajian ini termasuklah Kampung Melango Lama (terdiri daripada Kampung Melango Lama Hilir, Kampung Melango Lama Tengah, Kampung Melango Lama Hulu dan Kampung Pagan), Kampung Melango Baru (Kampung Melango Baru Hilir, Kampung Melango Baru Tengah dan Kampung Melango Baru Hulu), Kampung Hulu (Kampung Masjid dan Kampung Tanjung) dan Kampung Bunga Raya.

Pemilihan kampung Melayu ini sebagai lokasi kajian kerana populasi penutur DMSbs di kampung berkenaan adalah lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain di daerah Saratok. Pertuturan DMSbs di keempat-empat buah kampung ini juga dianggap saling berhubung kait kerana terletak di sepanjang lembangan Sungai Krian. Pertalian ini didorong oleh pertuturan dialek-dialek di lembangan sungai mewujudkan persamaan dari segi inovasi sebagai kesan penyebaran dialek di sepanjang lembangan sungai (Collins, 1989, hlm. 255). Faktor tersebut menyumbang kepada kemiripan pertuturan DMSbs di sepanjang lembangan Sungai Krian. Malahan, penutur di sekitar kawasan pertuturan DMSbs mampu memahami pertuturan antara satu sama lain. Kedudukan kampung-kampung Melayu ini yang berkembang di sepanjang lembangan Sungai Krian dapat dilihat dalam Lampiran.

### **Informan Kajian**

Kriteria informan kajian yang telah ditetapkan untuk menyertai kajian ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Informan berketurunan Melayu.
- (ii) Informan berasal dan menetap di Saratok.
- (iii) Informan ialah penutur jati DMSbs.
- (iv) Informan berumur 21 tahun ke atas.
- (v) Informan sihat tubuh badan.

Informan kajian ini terdiri daripada empat orang lelaki dan enam orang wanita. Informan berumur 40 tahun ke atas diutamakan kerana pertuturan mereka lebih asli, masih mengekalkan bentuk kata asal DMSbs dan kurang interaksi luar memandangkan lokasi kajian berada agak jauh daripada bandar utama. Samarin (1993, hlm. 38) turut bersetuju bahawa informan dewasa lebih berpengalaman dalam kebudayaan dan kaya dengan pengalaman sehari-hari.

Selain itu, Samarin (1993, hlm. 44) mewajibkan informan mesti sempurna sebutan dan diksinya. Alat artikulasi informan tidak cacat dan tidak mengalami masalah kesihatan seperti sumbing, rongak, selesema dan demam. Gangguan pada organ pertuturan menghasilkan bunyi bahasa yang kedengaran tidak betul dan sumbang disebabkan informan kemungkinan menyengaukan semua vokal atau suku kata yang dilafazkannya (Asmah, 2008, hlm. 49). Keadaan ini menyebabkan penyebutan kata dalam DMSbs pincang dan tidak tepat, seterusnya mempengaruhi pengumpulan data linguistik DMSbs. Informan yang mempunyai tanda-tanda seperti yang dinyatakan tidak akan dipilih sebagai informan kajian.

## Pengumpulan Data

Pengumpulan data DMSbs dilakukan menerusi kajian lapangan. Gay, Mills dan Airasian (2011, hlm. 382) mengelaskan kajian lapangan kepada dua jenis pemerhatian, iaitu pemerhatian peserta dan pemerhatian bukan peserta. Peserta merujuk informan atau responden kajian. Pemerhatian peserta melibatkan penyertaan pengkaji dalam situasi pemerhatian tersebut, manakala pemerhatian bukan peserta tidak melibatkan pengkaji. Pengkaji tidak berinteraksi dengan informan kajian, sebaliknya cuma merekodkan data yang terhasil daripada aktiviti peserta kajian.

Untuk kajian ini, penulis bertindak sebagai pemerhati yang aktif. Penulis sendiri melibatkan diri dalam situasi pemerhatian tersebut sementara merakam perbualan daripada komunikasi yang berlaku antara penulis dengan informan. Penulis merupakan penutur jati DMSbs dan ini memberikan kelebihan kepada penulis untuk turut serta dalam komunikasi dengan informan. Dengan perkataan lain, penulis bukan sahaja bertindak sebagai pemerhati, tetapi meletakkan diri sebagai ahli komuniti. Asmah (2008, hlm. 89) menyatakan pemerhatian jenis ini sebagai pemerhatian sebagai pemeran. Strategi penyesuaian interpersonal dalam interaksi semasa proses pengumpulan data juga adalah perlu bagi mengembangkan komunikasi antara penulis dengan informan, terutamanya semasa temu bual.

Temu bual berlaku secara tidak terancang. Temu bual tidak terikat dengan topik tertentu dan berlangsung dalam keadaan santai. Serentak dengan temu bual itu, teknik rakaman perbualan audio juga dijalankan. Semua temu bual dirakamkan dengan menggunakan perakam audio. Rakaman perbualan audio membolehkan pertuturan informan DMSbs dapat dirakamkan dan diselidiki untuk melihat keseragaman fenomena nasalisasi vokal dalam DMSbs, sama ada semasa atau selepas rakaman.

Kaedah ini membolehkan pengumpulan data dalam situasi sebenar dan dapat menunjukkan bentuk bunyi DMSbs sebenar yang diujarkan oleh penutur DMSbs.


Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah senarai kata. Penulis telah menyediakan senarai kata dan meminta informan untuk menyebut setiap kata tersebut dalam DMSbs. Cara informan membunyikan kata dalam DMSbs diteliti bagi melihat persamaan bunyi yang dituturkan. Persamaan bunyi yang terhasil merujuk situasi tipikal, iaitu memaparkan kelaziman dan keseragaman sesuatu fenomena (Bogdan & Biklen, 1998, hlm. 60). Dalam konteks kajian ini, fenomena yang dimaksudkan ialah proses nasalisasi vokal dalam fonologi DMSbs.

Seterusnya, data terpilih melalui proses transkripsi terlebih dahulu sebelum dianalisis. Data tersebut disalin dan dimasukkan lambang fonetik mengikut lambang fonetik antarabangsa. Transkripsi juga memasukkan simbol diakritik bagi menampakkan vokal nasal. Diakritik ialah simbol berbentuk kecil atau tanda-tanda lain yang boleh ditambah kepada simbol fonetik vokal atau konsonan bagi menentukan ciri-ciri sebutan dan mengubah suai atau menghalusi maknanya dalam pelbagai cara (Gussenhoven & Jacobs, 2011; International Phonetic Association, 1999). Hasil daripada proses transkripsi ini membolehkan kesimpulan khusus dibuat mengenai persamaan bentuk bunyi nasalisasi vokal dalam DMSbs.

## MODEL GEOMETRI FITUR HALLE

Halle (1995) mencadangkan model geometri fitur secara autosegmental yang telah diubah suai daripada model Chomsky dan Halle (1968) dan model Sagey (1986). Model itu dikenali sebagai model geometri fitur Halle. Model geometri fitur Halle menjelaskan interaksi proses penyebaran fitur yang berlaku dalam sesuatu kata dan membayangkan setiap proses fonologi sebelum terbentuknya struktur permukaan. Gagasan utama model geometri fitur Halle ialah suatu idea mengenai satu set fitur distingtif yang digunakan untuk menggambarkan fon, fonem dan segmen yang dibentuk kepada subkumpulan. Fitur distingtif ialah ciri yang menandai suatu fonem segmental. Fitur distingtif bersifat universal dan mempunyai mekanisme artikulasi, auditori dan juga persepsi bagi semua bahasa (Chomsky & Halle, 1968, hlm. 5).

Halle (1995, hlm. 2) berpendapat bahawa realisasi fitur fonetik dilakukan oleh alat artikulasi. Hal ini disebabkan fitur tersebut memainkan




**Rajah 1** Model geometri fitur Halle.


(Sumber: Diubah suai daripada Halle, 1995)

peranan penting semasa proses pembentukan kata. Fitur yang diwakili oleh sesuatu segmen dikategorikan mengikut alat artikulasi utama. Tiga artikulasi utama tersebut ialah labial, koronal dan dorsal. Halle mencadangkan model geometri fitur seperti Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan geometri fitur Halle ditunjangi oleh fitur konsonantal dan sonoran. Halle mengandaikan fitur konsonantal dan sonoran ialah akar kepada representasi suatu segmen. Fitur lain seterusnya dikelompokkan kepada tiga cabang utama, iaitu gutural, lelangit lembut, dan titik artikulasi. Gutural mengandungi fitur  $[\pm \text{bersuara}]$  dan lelangit lembut mengandungi fitur  $[\pm \text{nasal}]$ . Titik artikulasi pula menaungi tiga nodus utama yang merangkumi koronal, labial dan dorsal. Berdasarkan model geometri fitur asal yang dicadangkan oleh Halle, bentuk geometri fitur yang digunakan dalam perbincangan makalah ini bagi menangani fenomena nasalisasi vokal dalam DMSbs direpresentasikan seperti Rajah 2 berserta contoh seperti Rajah 3.



**Rajah 2** Geometri fitur Halle.



**Rajah 3** Geometri fitur bagi fonem [b].


Rajah 2 menggambarkan representasi geometri fitur Halle yang telah diubah suai daripada model asal geometri fitur Halle. Rajah 3 pula ialah contoh geometri fitur bagi fonem [b]. Rajah 3 dibina berdasarkan fitur distingtif bagi fonem [b] yang terdiri daripada fitur [+konsonantal, -sonoran, +bersuara, -kontinuen, -nasal, +labial].

## PRINSIP SYARAT PURNA BENTUK

Sebelum perbincangan lanjut mengenai proses nasalisasi vokal dalam DMSbs, adalah lebih baik sekiranya prinsip syarat purna bentuk (*well-formedness condition*) difahami terlebih dahulu. Prinsip syarat purna bentuk menggambarkan tatabahasa secara spesifik bahasa yang dikaji. Terdapat dua prinsip syarat purna bentuk (Goldsmith, 1976, hlm. 48), iaitu:

- (i) Satu segmen dipetakan dengan sekurang-kurangnya satu fitur, dan satu fitur dipetakan dengan sekurang-kurangnya satu segmen.
- (ii) Garisan penghubung tidak bersilang.

Berdasarkan prinsip syarat purna bentuk, peraturan ini bersifat universal dan boleh diaplikasikan dalam semua bahasa. Garis penghubung bertindih juga adalah tidak dibenarkan sebagaimana kekangan prinsip syarat purna bentuk yang menegaskan garis penghubung yang memetakan antara satu segmen dengan segmen lain tidak boleh saling bersilang (Goldsmith, 1990, hlm. 319). Rajah 4 menunjukkan representasi tingkat suku kata yang tidak dibenarkan sebagaimana yang termaktub dalam prinsip syarat purna bentuk.



Representasi fonetik = [məlan] “menyebelahi”

**Rajah 4** Representasi garis penghubung bersilang.

Rajah 4 menunjukkan representasi garis penghubung bersilang dalam struktur suku kata. Garis hubung antara tingkat skeletal dengan melodi /l/ dan /n/ saling bersilang dengan melodi /a/. Representasi seperti ini dianggap

tidak gramatis dan tidak boleh diterima kerana melanggar prinsip syarat purna bentuk. Oleh sebab itu, bagi mengelakkan pengingkaran prinsip syarat purna bentuk, maka garis penghubung tidak boleh saling bertindih.

## **FITUR DISTINGTIF VOKAL DAN KONSONAN DIALEK MELAYU SARIBAS**

Bagi memudahkan pemahaman pembaca mengenai fitur distingtif yang diterapkan dalam model geometri fitur Halle, fitur distingtif bagi vokal dan konsonan DMSbs diperturunkan seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

**Jadual 1** Fitur distingtif vokal dialek Melayu Saribas.

Fitur	Titik Artikulasi						
	Koronal			Dorsal			
	i	e	ɛ	a	u	o	
Tinggi	+	-	-	-	+	-	-
Rendah	-	-	+	+	-	-	+
Bundar (labial)	-	-	-	-	+	+	+
Belakang	-	-	-	+	+	+	+

**Jadual 2** Fitur distingtif konsonan dialek Melayu Saribas.

Fitur	Labial				Koronal								Dorsal				
	p	b	m	w	t	d	č	đ	s	n	j	l	y	k	g	ŋ	ɣ
Sonoran	-	-	+	+	-	-	-	-	-	+	+	+	+	-	-	+	+
Kontinuen	-	-	-	+	-	-	-	-	+	-	-	+	+	-	-	-	+
Nasal	-	-	+	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	+	-
Bersuara	-	+	+	+	-	+	-	+	-	+	+	+	+	-	+	+	+

Jadual 1 menunjukkan fitur distingtif bagi vokal dalam DMSbs. Semua vokal memiliki fitur [-konsonantal, +sonoran, +bersuara, +kontinuen, -nasal]. Jadual 2 pula memaparkan fitur distingtif bagi konsonan dalam DMSbs. Semua konsonan ialah [+konsonantal].

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Proses nasalisasi vokal berlaku apabila vokal didahului atau diikuti oleh konsonan nasal. Semua vokal dalam DMSbs boleh diramal mengalami proses nasalisasi vokal. Proses nasalisasi vokal menyebabkan vokal mempunyai fitur [+nasal]. Kehadiran sengau pada vokal disebabkan fitur nasal mewujudkan vokal sengau yang ditandai dengan tanda diakritik (~) di atas vokal. Secara fonemik, vokal nasal tidak wujud dalam struktur dalaman sebaliknya hanya wujud dalam struktur permukaan, iaitu selepas proses penyebaran fitur nasal daripada konsonan nasal (Tajul Aripin, 2009). Dengan perkataan lain, vokal nasal hanya wujud apabila didorong untuk mengalami proses nasalisasi vokal.

Goldsmith (1976, hlm. 50) menjelaskan proses nasalisasi vokal dalam autosegmental merupakan suatu proses penyebaran fitur dengan memberi fitur nasal kepada vokal kerana melodi fitur nasal lazimnya dikaitkan dengan bunyi vokal dalam sesuatu dialek. Hal ini bermakna kehadiran konsonan nasal yang memiliki fitur [+nasal] dalam suatu kata mendorong berlakunya proses nasalisasi vokal apabila konsonan nasal menyebarkan fitur nasal kepada vokal di sebelahnya. Oleh itu, proses nasalisasi vokal boleh diramal dengan kehadiran konsonan nasal dalam suatu kata.


Selain itu, Goldsmith (1976, hlm. 48) mengusulkan proses penyebaran fitur nasal dalam nasalisasi vokal berlaku sejauh mungkin tanpa mengingkari prinsip syarat purna bentuk yang melarang garis penghubung bersilang. Dengan demikian, konsonan nasal boleh menyebarkan fitur [+nasal] kepada vokal di sebelahnya dengan syarat tiada konsonan legap yang menghalang penyebaran fitur nasal. Sekiranya ada konsonan legap yang menghalang penyebaran fitur nasal kepada vokal kedua dan seterusnya, maka proses nasalisasi vokal tersekat. Halangan ini menyebabkan vokal kedua dan vokal seterusnya tidak menerima fitur [+nasal] daripada konsonan nasal apabila dihalang oleh konsonan legap yang terdiri daripada konsonan /p, b, t, d, k, g, č, j, s, ʃ, r/.

Proses nasalisasi vokal dalam DMSbs menunjukkan dua perilaku. Pertama, proses nasalisasi vokal progresif berlaku apabila vokal

mendahului konsonan nasal. Kedua, proses nasalisasi vokal regresif berlaku apabila vokal mengikuti konsonan nasal. Bahagian ini dipecahkan kepada dua bahagian untuk memudahkan perbincangan. Bahagian pertama membincangkan proses nasalisasi vokal progresif, manakala bahagian kedua membincangkan proses nasalisasi vokal regresif.

### Proses Nasalisasi Vokal Progresif

Proses nasalisasi vokal progresif ialah vokal menjadi nasal apabila vokal mendahului konsonan nasal yang melibatkan penyebaran fitur [+nasal] dari kiri ke kanan. Dengan perkataan lain, proses nasalisasi vokal progresif merujuk vokal dinasalisasikan apabila didahului oleh konsonan nasal. Proses nasalisasi vokal progresif boleh berlaku di awal, tengah dan akhir kata tetapi tidak berlaku di sempadan penggandaan, kata majmuk dan ayat. Rajah 5 berikut ialah rumus nasalisasi vokal progresif dalam DMSbs berpandukan geometri fitur Halle (1995).



Rajah 5 Rumus nasalilasi vokal progresif.

Rajah 5 menerangkan bahawa proses nasalisasi vokal progresif berlaku apabila kehadiran konsonan nasal dalam kata DMSbs menyebarkan fitur [+nasal] daripada nodus lelangit lembut kepada vokal yang memiliki nodus lelangit lembut [-nasal]. Kesannya, vokal yang memiliki fitur [-nasal] turut memiliki fitur [+nasal] selepas menerima fitur [+nasal] daripada konsonan nasal. Antara contoh kata dalam DMSbs yang mengalami proses nasalisasi vokal progresif dinyatakan dalam Jadual 3.


**Jadual 3** Nasalisasi vokal progresif dalam dialek Melayu Saribas.

DMSbs			
Kedudukan Kata	Struktur Dalaman	Struktur Permukaan	Maksud
Awal	malar	māla	asyik
	mansaŋ	mānsaŋ	maju
	nusur	nūsu <sup>wa</sup>	sungguh-sungguh
	muras	mūy̫as	marah
	ninsat	nīnsat	kecut
Tengah	jəməraŋ	jəmə̄yaŋ	memerang
	ləmantak	ləmānta?	lemantak
	ləmidij	ləmīdin	lembiding
	nun	nūn	sana
	səŋjaut	səŋjāut	tergesa-gesa
Akhir	ismu	ismū	paras rupa
	səmon	səmōn	lemau
	sijak	siŋā?	tercungap-cungap
	sinun	sinūn	sana
	tunjo	tunjō	hama
Awal dan Akhir	majah	māŋjāh	garang
	miak	mīyā?	budak
	minak	mīnā?	cuma
	moŋij	mōŋīŋ̪āŋ̪	comot
	muyas	mūy̫as	selekeh


Data dalam Jadual 3 menunjukkan vokal menjadi vokal nasal apabila vokal mendahului konsonan nasal. Penyebaran fitur [+nasal] kepada vokal kedua juga tidak menghadapi sebarang halangan apabila dihadiri konsonan telus yang tidak mempunyai nodus lelangit lembut. Ketiadaan nodus lelangit lembut membolehkan penyebaran fitur [+nasal] sejauh mungkin menembusi konsonan tersebut tanpa berlaku garis penghubung bersilang. Oleh sebab itu, vokal kedua dan seterusnya turut menerima fitur [+nasal] daripada konsonan nasal. Dengan berpandukan model geometri fitur Halle (1995), proses nasalisasi vokal progresif dalam DMSbs seperti contoh perkataan /muras/ → [mūyas] “marah” diinterpretasikan dalam (1) berikut.

- (1) Proses nasalisasi vokal progresif bagi kata /muras/ → [mūyas] “marah”


(a) Struktur dalaman



(b) Proses nasalisasi vokal



(c) Struktur permukaan




Representasi fonetik = [mūŷas]

Berdasarkan Data 1, kehadiran konsonan nasal labial /m/ dalam kata /muras/ mendorong proses penyebaran fitur [+nasal] yang dimilikinya kepada vokal /u/ yang berada di sebelah kanan. Konsonan nasal /m/ menyebarluaskan fitur [+nasal] kepada vokal /u/ seperti yang ditunjukkan dengan garisan putus dalam (1b). Hal ini menyebabkan vokal /u/ turut memiliki fitur [+nasal]. Oleh sebab itu, /muras/ menjadi [mūyās].


Proses nasalisasi vokal juga boleh berlaku dalam urutan vokal. Proses nasalisasi vokal ini disebut sebagai penasalan vokal homorganik. Penasalan vokal homorganik berhasil apabila dua atau lebih vokal hadir secara berurutan (VV) mendahului konsonan nasal dan mengalami proses nasalisasi vokal pada vokal kedua atau vokal seterusnya kerana urutannya tidak dihadiri oleh konsonan legap (Tajul Aripin, 2011). Sebagai contoh, perkataan /miak/ → [mīyā?] “budak” berikut:

(2) Proses nasalisasi vokal bagi kata /miak/ → [mīyā?] “budak”


(a) Struktur dalaman




(b) Proses pembentukan geluncuran [y]



(c) Proses penyebaran homorganik nasal



## (d) Struktur permukaan



Representasi fonetik = [mŷyâ?]

Data 2 memperlihatkan pembentukan geluncuran [y] berlaku apabila vokal [+tinggi] /i/ yang berada pada posisi nukleus menyebarkan fiturnya kepada gatra K kosong pada posisi onset seperti tergambar dalam struktur suku kata (sila lihat 2b). Proses penasalan vokal homorganik pula mengambil alih apabila konsonan nasal labial /m/ yang mempunyai fitur [+nasal] menyebarkan fiturnya kepada urutan vokal /ia/ di sebelah kanan yang masing-masing mempunyai fitur [–nasal]. Penyebaran ini ditandai dengan garisan putus seperti dalam 2c. Sebagai kesannya, kedua-dua vokal /i/ dan /â/ mempunyai fitur [+nasal] dan menjadi sengau. Oleh itu, /miak/ menjadi [mŷyâ?].

Penyebaran fitur [+nasal] kepada vokal bersebelahan dalam Data 2 tidak menghadapi sebarang halangan kerana fonem [y] yang hadir di antara urutan vokal tersebut tidak mempunyai nodus lelangit lembut. Ketiadaan nodus lelangit lembut tidak menghalang penyebaran fitur nasal (Teoh, 1994, hlm. 38). Fonem [y] bersifat telus kepada penyebaran fitur.

Penyebaran fitur [+nasal] kepada vokal kedua ini juga tidak menyalahi prinsip syarat purna bentuk kerana tidak menyebabkan garis penghubung bersilang.


Penyebaran fitur [+nasal] yang berada di sebelah kiri fonem [y] tidak menghadapi sebarang sekatan kerana sifat telus yang dimiliki oleh geluncuran [y]. Keadaan ini membolehkan fitur [+nasal] menembusi geluncuran [y] dan menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal /a/ dan menyebabkan vokal /a/ yang memiliki fitur [-nasal] turut memiliki fitur [+nasal]. Secara tidak langsung, proses ini menjelaskan bahawa penyebaran fitur [+nasal] oleh konsonan nasal boleh tersebar sejauh mungkin selagi tiada konsonan legap yang menghalang penyebarannya.

Sehubungan dengan status fonem yang bersifat telus kepada penyebaran fitur, Sagey (1986) mengesyorkan bahawa fonem /w, y, h, ?/ merupakan konsonan telus yang boleh ditembusi oleh penyebaran fitur nasal daripada konsonan nasal /m, n, ɳ, ɲ/ dan menyebabkan vokal berikutnya menjadi nasal. Penembusan fitur [+nasal] melalui fonem /w, y, h, ?/ adalah kerana konsonan tersebut tidak memiliki nodus lelangit lembut. Keadaan ini membolehkan proses penyebaran fitur nasal daripada lelangit lembut konsonan nasal tidak mengalami halangan.


Situasi sebaliknya berlaku sekiranya konsonan legap hadir di antara dua vokal yang menyebabkan vokal kedua tidak dapat menerima fitur [+nasal] daripada konsonan nasal. Hal ini bermakna sekiranya konsonan legap hadir dalam suatu kata yang mengandungi konsonan nasal, kemungkinan penyebaran fitur [+nasal] oleh konsonan nasal tersebut terhalang. Konsonan legap mempunyai nodus lelangit lembut yang mengehadkan penyebaran fitur [+nasal]. Akibat daripada halangan nodus lelangit lembut pada konsonan legap menyebabkan konsonan nasal tidak dapat menyebarkan fiturnya kepada vokal kedua dan penyebaran tersebut pada nodus lelangit lembut. Dengan menerapkan model geometri fitur Halle (1995), proses kekangan penyebaran fitur [+nasal] dapat dilihat dalam (3) berikut.

- (3) Halangan proses nasalisasi vokal progresif pada nodus lelangit lembut


(a) Struktur dalaman




(b) Pengguguran fonem /r/ pada posisi koda




(c) Proses nasalisasi vokal



(d) Penyebaran fitur nasal terhalang



## (e) Struktur permukaan



Representasi fonetik = [māla]

Representasi geometri fitur bagi data 3 menunjukkan pengguguran fonem /r/ pada posisi koda. Konsonan likuida /r/ tidak dibenarkan menduduki posisi koda dalam DMSbs. Kekangan ini memaksa konsonan /r/ digugurkan seperti dalam 3b. Gambaran proses nasalisasi vokal progresif dalam perkataan /malar/ menunjukkan kehadiran konsonan nasal /m/ mewujudkan proses penyebaran fitur [+nasal] kepada vokal /a/ di sebelahnya. Penyebaran fitur [+nasal] ditandakan dengan garis putus seperti yang ditunjukkan dalam 3c.


Apabila vokal /a/ menerima fitur [+nasal] daripada konsonan nasal /m/, vokal /a/ turut memiliki fitur [+nasal] dan menjadi [ā]. Sementara itu, terdapat satu lagi vokal di sebelah kanan konsonan nasal /m/, iaitu vokal /a/ yang berada di sebelah kanan konsonan /l/. Penyebaran fitur [+nasal] kepada vokal /a/ tersekat kerana halangan nodus lelangit lembut pada konsonan /l/, seperti yang ditandakan dengan bulatan (sila lihat 3d).

Sekiranya penyebaran fitur [+nasal] menembusi nodus lelangit lembut pada konsonan /l/, garis penghubung akan bersilang. Garis penghubung bersilang tidak dibenarkan oleh prinsip syarat purna bentuk. Atas faktor kekangan prinsip syarat purna bentuk yang tidak membenarkan garis penghubung bersilang, maka nasalisasi vokal hanya dapat tersebar kepada vokal /a/ sahaja. Akhirnya, perkataan /malar/ diterbitkan sebagai [māla].

### Proses Nasalisasi Vokal Regresif

Proses nasalisasi vokal regresif merujuk vokal dinasalisasikan apabila diikuti oleh konsonan nasal pada suku kata awal. Vokal menjadi nasal apabila vokal hadir sebelum konsonan nasal yang melibatkan penyebaran fitur [+nasal] dari kanan ke kiri. Cara artikulasi vokal nasal secara regresif bermula apabila arus udara daripada paru-paru mulai memasuki rongga hidung menyebabkan udara keluar melalui hidung dan mulut secara serentak serta menghasilkan bunyi peralihan (Crystal, 2011; Sato Hirobumi @ Rahmat & Sriwijaya, 2013).

Proses nasalisasi vokal regresif dalam DMSbs dapat diramal dengan kehadiran vokal dan konsonan nasal dalam suatu rentetan ujaran. Semua vokal dalam DMSbs berpotensi untuk mengalami proses nasalisasi vokal regresif dan sangat produktif pada awal kata. Yang berikut ialah rumus nasalisasi vokal regresif dalam DMSbs.



**Rajah 6** Rumus  
nasalisasi vokal regresif.

Rumus seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6 menjelaskan bahawa proses nasalisasi vokal regresif berlaku apabila kehadiran konsonan nasal dalam kata DMSbs menyebarkan fitur [+nasal] daripada nodus lelangit lembut kepada vokal yang mengikutinya. Kesannya, vokal yang memiliki nodus lelangit lembut [-nasal] turut memiliki fitur [+nasal] selepas menerima fitur [+nasal] daripada konsonan nasal. Antara contoh kata dalam DMSbs yang mengalami proses nasalisasi vokal regresif disenaraikan dalam Jadual 4.


**Jadual 4** Nasalisasi vokal regresif dalam dialek Melayu Saribas.

DMSbs			
Vokal Nasal	Struktur Dalaman	Struktur Permukaan	Maksud
[i]	impas	ĩmpas	iras; mirip
	inaj	ĩnãj	ternak
	inči	ĩnči	gincu
	insut	ĩnsut	beralih
	intas	ĩntas	kibas (dengan tangan)
[e]	enčot	ẽnčot	terhincut-hincut
	endah	ẽndah	acuh
	endoi	ẽndoy	buaian
	enjin	ẽnjen	enjin
	engir	ẽngi <sup>ya</sup>	terlalu ke tepi
[ã]	amai	ãmãy	perangai
	amo	ãmõ	kotor
	ajan	ãjãj	ratah
	anok	ãnõ?	memarahi
	angur	ãngu <sup>wā</sup>	anggur
[ə]	əmbak	əmba?	bawa
	əmbəru	əmbəyu	kumbang
	əmpudai	əmpuday	bertompok
	əndak	ənda?	tidak
	əŋkah	əŋkah	letak
[ü]	umas	ũmãs	rimas
	umbut	ũmbut	umbut
	umur	ũmũwā	umur
	unčit	ũnčit	corot
	unjun	ũnjun	pijak
[o]	omo	õmõ	serbuk pencuci
	ompuan	õmpuan	perempuan
	oŋej	oŋi <sup>ŋ</sup>	bau busuk


Dengan mengambil contoh perkataan /əŋkah/ → [əŋkah] “letak”, proses nasalisasi vokal regresif dalam perkataan DMSbs ini digambarkan seperti dalam data (4) berikut.

- (4.) Proses nasalisasi vokal regresif bagi kata /əŋkah/ → [əŋkah] “letak”


(a) Struktur dalaman



(b) Proses nasalisasi vokal



(c) Struktur permukaan



Representasi fonetik = [əŋkah]

Data 4 terdiri daripada dua vokal, iaitu vokal /ə/ yang mengikuti konsonan nasal /ŋ/, manakala vokal kedua ialah vokal /a/ yang mendahului konsonan /k/. Apabila vokal mengikuti konsonan nasal, maka penyebaran fitur nasal daripada konsonan nasal kepada vokal diaktifkan. Data 4 menunjukkan konsonan nasal berkongsi fitur [+nasal] kepada vokal /ə/ yang mengikutinya secara regresif dengan menyebarkan fitur [+nasal] kepada nodus lelangit lembut vokal /ə/ yang mempunyai fitur [-nasal] seperti tergambar pada 4b. Apabila vokal /ə/ mendapat fitur [+nasal] daripada konsonan nasal /ŋ/, maka vokal /ə/ turut memiliki fitur [+nasal]. Penyebaran fitur nasal kepada vokal kedua pula terhalang disebabkan kehadiran konsonan legap /k/. Halangan ini menyebabkan vokal /a/ tidak dapat menerima fitur nasal daripada konsonan nasal /ŋ/. Oleh itu, /əŋkah/ menjadi [əŋkah].

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, huraian dan penjelasan mengenai proses nasalisasi vokal dalam DMSbs memperlihatkan kehadiran konsonan nasal yang memiliki fitur [+nasal] memainkan peranan penting dalam menggerakkan proses penyebaran fitur [+nasal] kepada vokal. Proses nasalisasi vokal menyebabkan vokal turut memiliki fitur [+nasal] dan menjadi vokal nasal. Dapatkan pengkaji lepas yang mengatakan proses nasalisasi vokal adalah bersifat boleh diramal juga signifikan dengan proses nasalisasi vokal dalam DMSbs. Proses nasalisasi vokal dalam DMSbs dapat diramal apabila vokal berada bersebelahan dengan konsonan nasal. Kehadiran vokal mendahului atau mengikuti konsonan nasal mendorong konsonan nasal menyebarkan fitur [+nasal] secara progresif atau regresif kepada vokal dan membentuk vokal nasal yang bersifat sengau. Hal ini menjelaskan bahawa semua vokal berupaya untuk mengalami proses nasalisasi vokal dengan kehadiran konsonan nasal dalam kata dan selagi tiada konsonan legap yang menghalang penyebaran fitur nasal itu. Dapatkan ini juga memberikan pengetahuan baharu bahawa proses nasalisasi vokal dalam DMSbs tidak hanya berlaku secara progresif, malahan juga berlaku secara regresif terutamanya pada awal kata.

## NOTA

1. Singkatan "kons" dalam rajah merujuk konsonantal.
2. Singkatan "son" dalam rajah merujuk sonoron.
3. Singkatan "kont" dalam rajah merujuk kontinuen.

## RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz. (2010). Inventori vokal dialek Melayu Kelantan: Satu penilaian semula. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 11, 1-19.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K.. (1998). *Qualitative research for education: An introduction of theory and methods* (Third Edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Chomsky, N., & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English*. New York, NY: Harper & Row.
- Chong Shin. (2000). Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *International Journal of The Malay World and Civilization*, 27(2), 59-71.
- Chong Shin. (2006). Bahasa Iban dan dialek Melayu di Saribas, Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, LXII(83 New Series), 85-106.
- Chong Shin. (2015). Dialek Melayu di Lembah Sungai Krian: Variasi Melayu Saribas atau Rejang? *Jurnal Bahasa*, 15(1), 63-77.
- Collins, J. T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1989). Malay dialect research in Malaysia: The issue of perspective. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 145(2), 235-64.
- Collins, J. T. (2000). Kepelbagaiannya dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(1), 2-17.
- Crystal, D. (2011). *Dictionary of linguistics and phonetics*. Hoboken, NJ, US: John Wiley & Sons.
- Farid Onn. (1980). *Aspects of Malay phonology and morphology*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2011). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (Tenth Edition). United States of America: Pearson Education.
- Goldsmith, J. A. (1976). *Autosegmental phonology* (Tesis Ph.D Tidak Terbit). Massachusetts Institute of Technology, Cambridge.
- Goldsmith, J. A. (1990). *Autosegmental & metrical phonology*. Oxford, UK: Basil Blackwell.
- Gussenhoven, C., & Jacobs, H. (2011). *Understanding phonology* (Third Edition). London: Hodder Education.

- Halle, M. (1995). Feature geometry and feature spreading. *Linguistic Inquiry*, 26(1), 1-46.
- Hamidah Abdul Wahab. (2008). Etnolinguistik komuniti Melayu Saribas, Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 8(2), 220-241.
- International Phonetic Association. (1999). *Handbook of the international phonetic association*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia: Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kamarul Afendey Hamimi, Muhammad Iqbal Samadi & Ibrahim Ahmad. (2014). Nasalisasi vokal dalam sub-dialek Perak-Dialek Sayong: Suatu analisis autosegmental. *Prosiding Antarabangsa Kelestarian Insan*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Madzhi Johari. (1988). *Fonologi dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Daerah Saratok. (2017). *Pelan Kampung Melango Baru, Saratok*. Saratok, Sarawak: Pejabat Percetakan Malaysia.
- Majlis Daerah Saratok. (2017). *Pelan Kampung Melango Lama, Saratok*. Saratok, Sarawak: Pejabat Percetakan Kerajaan Malaysia.
- Majlis Daerah Saratok. (2017). *Pelan Lokasi Bandar Saratok*. Saratok, Sarawak: Pejabat Percetakan Kerajaan Malaysia.
- Noor Azureen Hamid @ Ahmed & Tajul Aripin Kassin. (2013). Analisis fonologi autosegmental dalam proses penyebaran fitur geluncuran dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 217-242.
- Noor Azureen Hamid @ Ahmed, Sharifah Raihan Syed Jaafar & Tajul Aripin Kassin. (2016). Sistem fonologi dialek Melayu Saribas berdasarkan fonologi generatif. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 1-29.
- Pejabat Daerah Saratok. (2017). Diakses daripada <http://www.saratokdo.sarawak.gov.my/>
- Sagey, E. C. (1986). The representation of features and relations in non-linear phonology (Tesis Ph.D Tidak Terbit). Massachusetts Institute of Technology, Cambridge.
- Samarin, W. J. (1993). *Field linguistics*. Diterjemah oleh Kamaruzaman Mahayidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Karya asal diterbitkan pada 1967).
- Sato Hirobumi @ Rahmat & Sriwaja Ladis. (2013). Proses nasalisasi vokal dan ciri akustik vokal nasalan. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 104-127.
- Tajul Aripin Kassin. (2000). The phonological word in Standard Malay (Tesis Ph.D Tidak Terbit). University of Newcastle, Newcastle.
- Tajul Aripin Kassin. (2005). Penggandaan separa dalam dialek Perak: Suatu analisis autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 5(3), 162-188.


- Tajul Aripin Kassin. (2009). Urutan vokal bahasa Melayu: Suatu analisis autosegmental. Radiah Yusoff & Noriah Mohamed (ed.), *Kata di gelanggang bahasa: Esei-esei penghargaan untuk Profesor Mashudi Kader*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Teoh, Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Unit Perancang Negeri Sarawak. (2011). *Sarawak facts and figure*. Kuching, Sarawak: Jabatan Ketua Menteri.
- Yunus Maris. (1980). *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zaharani Ahmad. (2003). Harmoni vokal dalam bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang: Suatu analisis fonologi autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 3(4), 607-623.

Diperoleh (*received*): 23 Januari 2017

Diterima (*accepted*): 29 April 2017


## LAMPIRAN

**Lampiran 1** Daerah Saratok dalam peta Kerajaan Negeri Sarawak.




Sumber: Pejabat Daerah Saratok (2017).

**Lampiran 2** Lokasi kajian.




Sumber: Majlis Daerah Saratok (2017).

**Lampiran 3** Kampung Melango Lama.



Sumber: Majlis Daerah Saratok (2017).

**Lampiran 4** Kampung Melango Baru.



Sumber: Majlis Daerah Saratok (2017).